

17/09/1997

Umat Islam perlu angkat martabat

Putera Wan Kembang

DALAM satu persidangan untuk menaikkan martabat umat Islam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menekankan pentingnya kita mengkaji dan mengambil iktibar daripada sejarah, khususnya yang berkaitan perkembangan dan kejatuhan Islam.

Pelbagai polemik, perbincangan dan ulasan diberikan berikutan peristiwa penahanan tiga gadis Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik dan ditangkap oleh kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais). Saya ingin menyatukan dua peristiwa itu dan mengajak pembaca memikir tujuan asal Islam diturunkan kepada manusia.

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Jahiliyah menanam anak perempuan mereka hidup-hidup. Bagi mereka anak perempuan akan memberi aib kepada keluarga dan keturunan.

Sejak kedatangan Islam melalui Rasulullah taraf dan martabat wanita dinaikkan. Mereka memainkan peranan membangunkan masyarakat dan membantu perkembangan Islam.

Dalam usaha untuk memartabatkan maruah dan harga diri wanita, Allah mewajibkan mereka menutup aurat dan menjaga kehormatan diri.

Di negara ini sejak zaman pemerintahan Sultan Melaka, perkembangan Islam oleh saudagar Arab di rantau ini dan dendam kesumat Barat berikutan kekalahan dalam beberapa Perang Salib di Eropah menjadi pemangkin penjajah menjajah Nusantara bagi menyekat pengaruh Islam terus berkembang.

Pada awal 90-an, Perdana Menteri Britain ketika itu, Gladstone, memegang al-Quran di Parlimen England dan berkata: "jika kita ingin menewaskan umat Islam, kita mesti jauhkan ini (al-Quran) daripada hati dan jiwa mereka." Nampaknya segala usaha orientalis Barat sudah berjaya.

Anak jajahan sudah dijajah bukan saja fizikal, tetapi lebih perit ialah dari segi mental dan kesannya cukup ketara walaupun sesudah 40 tahun negara merdeka. Sistem pemerintahan Barat, amalan riba, sikap materialisme dan pelbagai amalan sosiobudaya orientalis sudah sebatikan dengan jiwa umat Islam di Malaysia.

Tidak perlulah saya menghuraikan bagaimana amalan riba menjadi sebahagian hidup umat Islam abad ini. Namun saya ingin mengutarakan lebih lanjut bukti yang dilakukan orientalis Barat merosakkan umat Islam.

Biarlah saya khususkan perbincangan ini kepada kesan dan akibat penjajahan kepada mentaliti umat Islam.

Selepas empat dekad merdeka dan fikiran dibancuh dengan idea Barat, hari ini sebahagian umat Islam merasakan undang-undang syariah menghalang perempuan Melayu melakukan beberapa perkara yang tidak selari dengan tuntutan agama mengundang pelbagai pendapat, yang kebanyakannya menentang.

Apa yang menghairankan ialah hampir semua penentangan ini datangnya daripada orang Melayu yang beragama Islam. Pelbagai alasan dan pendapat diberikan.

Pada zaman yang serba moden dan canggih, umat Islam ingin menafsir semula amalan mereka itu. Apakah bercanggah dengan keinginan manusia dan al-Quran. Apakah kerana tuntutan agama bertentangan dengan keinginan dan hawa nafsu mereka? Jika inilah keadaannya, merekalah yang patut kembali kepada ajaran agama sebenar dan mengambil pengajaran daripada al-Quran.

Harus diingat setiap penentangan terhadap peruntukan undang-undang syariah dan menafsir semula al-Quran tidak akan membantu memartabatkan maruah wanita, malah ia banyak menguntungkan musuh Islam untuk merosakkan maruah wanita Islam sendiri.

Apa yang lebih memusykilkan ialah 'Sisters In Islam' yang lebih sensitif terhadap isu membabitkan pihak berkuasa dan perundangan Islam. Suara mereka susah didengar dalam isu yang boleh menyelamatkan maruah dan martabat wanita dengan GRO, kes buang bayi, penzinaan. Mereka seolah-olah menganggap itu hanya fenomena biasa yang tidak perlu digemburkan. Evolusi kemajuan seperti urbanisasi dan industrialisasi banyak mengubah pola kehidupan umat Islam di negara ini.

Dengan itu, tidak salah jika disarankan, marilah kita merenung dan mengkaji kenyataan Perdana Menteri mengenai kesan sejarah silam yang mencorakkan cara hidup kita hari ini.

Jika kita betul-betul mengkaji tujuan kita diutuskan ke dunia dan tujuan sebenar penjajahan Barat, kita dapat melihat satu jalur cahaya kebenaran daripada amalan kehidupan seharian bertentangan dengan ajaran Islam (seperti termaktub dalam hadis dan al-Quran) kerana akidah dan cara pemikiran kita dijajah.

(END)